

# Bengkel Penilaian Silabus FKI untuk Program e-Usahawan Bersama MDEC


Terakhir dikemaskini: Selasa, 13 Februari 2018 15:20 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 461

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 13 FEBRUARI -** Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Bengkel Penilaian Silabus untuk Program e-Usahawan dengan bimbingan pihak Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Bangunan Menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Bengkel tersebut bertujuan menganalisis dan mencadangkan penambahbaikan kepada silabus yang ada supaya dapat

disesuaikan dengan program e-Usahawan yang berjalan di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di Malaysia.

Dekan FKI, Profesor Madya Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim mempengerusikan bengkel tersebut.

Turut hadir Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) FKI, Dr. Zamhar Iswandono Awang Ismail; Ketua Program Komputeran Perniagaan Dr. Joe Henry Obit; Ketua Program Teknologi Multimedia, Dr. Carolyn Salimun; serta pensyarah-pensyarah yang lain.

Manakala pihak MDEC telah diwakili oleh Eksekutif Kanan Kluster Inisiatif Belia dan Komuniti, Nur Balkis Amairuddin bersama rombongannya, Azlinda Mohd Hairon, Sarah Farhana Juhari, Muhammad Zulhilmi Shaharuddin dan Rosmizan Ali.

Dr. Ag. Asri berkata, program e-Usahawan merupakan program peringkat kebangsaan yang memberi pendedahan dan memurnikan inspirasi keusahawanan digital dalam kalangan belia Malaysia dan para usahawan mikro untuk menjana pendapatan lumayan menerusi platform digital.

Katanya, FKI melalui program-programnya telah melahirkan ramai graduan yang terlibat dalam Ekonomi Digital, termasuklah usahawan-usahawan e-Dagang.

Beliau berkata dengan silabus yang lebih kukuh, ilmu serta kemahiran terkini dapat diterapkan di peringkat fakulti dan universiti.

“Program e-Usahawan juga melibatkan pengajuran kursus-kursus perniagaan dan penjanaan pendapatan melalui internet kepada komuniti sekitar,” katanya.

Jelas Dr. Ag. Asri, faedah daripada usaha itu bukan sahaja akan dirasai oleh pelajar-pelajar FKI tetapi juga komuniti di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

“Diharap dengan adanya bengkel ini, kerjasama antara FKI dengan MDEC akan lebih diperkuatkan dan membawa kepada program-program yang berfaedah kepada semua pada masa hadapan,” katanya lagi.

Sumber: Azri Onn, UMSKAL